

17 JAN 1996

MT TIDAK BINCANG JAWATAN LAIN UNTUK RAHIM

KUALA LUMPUR, 17 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata mesyuarat Majlis Tertinggi Umno malam tadi tidak membincangkan mengenai kemungkinan menawarkan beberapa jawatan lain kepada Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

Katanya, MT hanya membuat keputusan mengenai hak bekas Ketua Menteri Melaka itu kembali memegang jawatan Ketua Pergerakan Pemuda Umno.

"Kita putus perkara itu sahaja, yang lain kita tidak putuskan semalam," kata Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO kepada pemberita selepas melancarkan dua produk baru Kumpulan Utusan di sebuah hotel di sini hari ini.

Malam tadi MT membuat keputusan sebulat suara bahawa Rahim berhak kembali menyandang jawatan ketua pergerakan itu berdasarkan minit mesyuarat MT pada 8 Sept 1994.

Minit itu menunjukkan MT bersetuju Rahim mengundurkan diri dan bercuti buat sementara waktu sehingga segala tuduhan terhadapnya diselesaikan.

Dr Mahathir juga diminta mengulas kenyataan Rahim hari ini yang ingin menemui beliau, timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Nazri Abdul Aziz sebelum membuat keputusan sama ada menerima atau menolak jawatan itu.

"Itu hak dialah untuk dapat maklumbalas dan untuk berunding, itulah cara kita," katanya. -- BERNAMA